

Istiadat KONVOKESYEN

Universiti Teknologi MARA Ke-89

2018 • Dewan Agung Tuanku Canselor

Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UITM) ke-89 di Shah Alam telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang dan disempurnakan oleh YABhg Tun Datuk Seri Panglima Hj. Ahmad Shah Abdullah, Pro-Canselor UITM.

Istiadat yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor, UITM Shah Alam itu meraikan seramai 156 graduan yang terdiri daripada 14 penerima Anugerah Graduan Cemerlang dan 142 penerima Ijazah Doktor Falsafah.

Istiadat pada kali ini turut menyaksikan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada YBhg. Profesor Dato' Dr Khalid Yusoff.

Beliau merupakan Dekan Pengasas Fakulti Perubatan UITM dan telah berkhidmat sejak tahun 2004 hingga 2013. Penganugerahan ini merupakan suatu penghargaan oleh universiti atas kepakaran dan sumbangan beliau dalam memastikan kursus-kursus perubatan UITM diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa.

Istiadat Konvokesyen UITM ke-89 telah berlangsung di 13 buah kampus cawangan bermula 20 Oktober sehingga 28 November 2018 dengan jumlah keseluruhan seramai 24,662 orang graduan.



Program Kayuhan Amal *bersama* Raja Muda Perlis



Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengambil inisiatif tersendiri dengan menubuhkan Tabung Mobiliti Pelajar khusus untuk membiayai pelbagai program yang melibatkan pelajar antaranya seperti pertukaran pelajar ke luar negara, *summer school*, *finishing school*, keusahawanan, latihan industri serta pelbagai program lain yang memberi banyak manfaat kepada pelajar.

Bersempena dengan pelancaran tabung tersebut pada 9 September yang lalu oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, baginda berserta Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut bercemar duli menyertai kayuhan amal sejauh 15 kilometer serta acara 'Gorgo Race' bersama lebih 1,000 orang peserta.

Baginda turut menekankan betapa pentingnya menyemarakkan kegiatan sukan bagi melahirkan warga kampus yang cergas dan sihat serta turut melahirkan rasa sukacita dengan penubuhan Tabung Mobiliti Pelajar bagi memastikan agenda pendidikan anak bangsa terlaksana dengan jayanya.

Selain kehadiran Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato^{*} Dr Hassan Said serta barisan pengurusan kanan universiti, program yang diadakan di UiTM Kampus Puncak Alam itu turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Operasi Sistem Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS), Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa dan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Abang Salehuddin Abang Shokeran.



SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita
Hanisah Yacob
Umi Kazura Zakaria
Nur Idune Hayana Che Mohd
Nor Azlina Nordin
Noor Suhada Sapri (Pelatih Industri)
Nurain Anafrah AbdulSattar (Pelatih Industri)

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman



@VCUITM



UTM di Hartika



www.utm.edu.my



UTM Rasmi: www.facebook.com/utmrasm1

Media Korporat: www.facebook.com/darlersakorporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Syajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

